

OCBC Trade Loyalty Programme 2012

THE MORE YOU TRADE,  
**THE MORE**  
YOUR REWARDS.



**WORLD'S  
STRONGEST BANK**  
— Ranked by *Euromoney* Markets —

© 2012 OCBC Bank

# PROGRAM KESETIAAN PERDAGANGAN OCBC 2012

## Terma and Syarat

1. **Program Kesetiaan Perdagangan OCBC 2012** ("Program) adalah terbuka kepada semua pelanggan Perbankan Perniagaan OCBC Bank (Malaysia) Berhad dan/atau OCBC Al-Amin Bank Berhad (secara kolektif "OCBC Bank"). Program ini berlangsung dari 1 Jun hingga 30 November 2012 ("Tempoh Program"). Pelanggan tidak perlu menghantar borang penyertaan.
  
2. Untuk setiap urusan niaga perdagangan yang berjaya dilaksanakan dari senarai produk / servis perdagangan konvensional dan/atau Islamik yang layak di bawah, anda akan menerima OCBC\$750:
  - a. **Belian Tempatan / Perkhidmatan Import**
    - i. LC / LC-i terbitan\*
    - ii. Pungutan Dokumen Masuk / Pungutan Dokumen Masuk-i
  
  - b. **Jualan tempatan / Perkhidmatan Eksport**
    - i. Pungutan Dokumen Keluar/Pungutan Dokumen Keluar-i
    - ii. Dokumen keluar untuk Rundingan dan / atau Diskaun / Dokumen Keluar untuk Rundingan-i dan / atau Diskaun-i
    - iii. Pemindahan LC (konvensional sahaja)
  
  - c. **Pembiayaan**
    - i. Penerimaan Jurubank / Bil yang diterima-i
    - ii. Pembiayaan Invois / Pembiayaan Invois –i
    - iii. Pembiayaan Perdagangan Mata Wang Asing (konvensional sahaja)

\*LC / LC-i pindaan atau penukaran transaksi pungutan kepada rundingan tidak diterima untuk menyertai program ini.
  
3. Anda boleh mengumpul sebanyak OCBC\$ yang dikehendaki sepanjang Tempoh Program untuk ditukarkan dengan baucar hadiah yang ditetapkan dalam surat penebusan. Senarai baucar hadiah yang sedia ada untuk penebusan dilampirkan di akhir terma dan syarat ini. Nilai minimum untuk penebusan bermula dengan OCBC\$10,000.
  
4. Anda akan dimaklumkan dengan OCBC\$ yang terkumpul melalui Penyata Bulanan Program Kesetiaan Perdagangan Bank OCBC Bank. Penyata bulanan ini akan bermula pada bulan berikutnya.

5. "Tempoh Penebusan" akan berlangsung dari 1 Disember 2012 hingga 31 Januari 2013. Mana-mana Surat Penebusan yang diterima selepas 31 Januari 2013 akan disingkirkan. Sila mengemukakan permohonan penebusan anda kepada:

**OCBC Bank (Malaysia) Berhad / OCBC Al-Amin Bank Berhad**  
**Operasi Pembiayaan Perdagangan**  
**Tingkat 12, Menara OCBC**  
**18 Jalan Tun Perak**  
**50050 Kuala Lumpur**

atau

***Pusat Perkhidmatan Perbankan Perniagaan di cawangan OCBC Bank yang terdekat dengan anda.***

6. Salinan fotokopi Surat Penebusan boleh diterima. Jika penyata asal Program Kesetiaan Perdagangan Bank OCBC Bank untuk bulan November 2012 tidak dapat dikemukakan, sila hubungi Talian Tindakan Perdagangan kami untuk mendapatkan salinan pengganti.
7. OCBC\$ yang terkumpul semasa Program Kesetiaan Perdagangan OCBC Bank 2012 tidak boleh digabungkan dengan mana-mana OCBC\$ yang diterima / dikumpul melalui promosi atau penggunaan produk yang lain.
8. Baucar hadiah yang sedia ada untuk penebusan telah ditetapkan dalam Surat Penebusan. Walau bagaimanapun, jika baucer hadiah yang terpilih tidak dapat disediakan atas apa jua sebab, OCBC Bank berhak mengikut budi bicara mutlak untuk menggantikan barang-barang tersebut dengan hadiah lain yang sama nilainya. Baucar hadiah tidak boleh dipindah milik atau ditukarkan dengan wang tunai.

#### **9. Cabutan Bonus**

- a. Cabutan bonus akan diadakan di penghujung program untuk semua pelanggan yang berjaya mengumpul sejumlah minimum 15 transaksi semasa tempoh program. 3 hadiah untuk dimenangi :

**Hadiah Pertama : iPad 64GB (Wifi+4G)**  
**Hadiah Kedua : iPhone 4S 16GB**  
**Hadiah Ketiga : Apple iPod Touch 32GB (Generasi ke-4)**



- b. Bermula dengan minimum 15 transaksi, bilangan peluang di bawah cabutan bonus akan meningkat dengan setiap 5 transaksi tambahan yang dikemukakan kepada OCBC Bank seperti berikut:

Bilangan transaksi yang terkumpul sepanjang Tempoh Program	Bilangan Peluang
15 - 19	1
20 - 24	2
25 - 29	3
30 - 34	4
35 - 39	5
40 - 44	6
45 - 49	7
50 - 54	8
55 - 59	9
60 - 64	10
65 ke atas	11

- c. Pelanggan yang terpilih melalui cabutan bonus akan dihubungi oleh OCBC Bank melalui maklumat sedia ada mengenai butiran orang untuk dihubungi dan nombor telefon yang disimpan oleh pihak OCBC Bank. Pelanggan yang dihubungi dan berjaya menjawab 2 soalan dari OCBC Bank dengan tepat akan disahkan sebagai pemenang. Jika pelanggan tidak dapat dihubungi melalui nombor telefon yang sedia ada selepas 3 cubaan semasa waktu bekerja atau gagal menjawab 2 soalan yang dikemukakan dengan tepat, maka pelanggan tersebut akan disingkirkan di bawah cabutan bonus ini, dan pelanggan lain akan dipilih semula dari cabutan bonus dimana proses yang dinyatakan dalam perenggan ini akan diulangi sehingga 3 pemenang diperolehi.
- d. Pemenang cabutan bonus akan dimaklumkan pada bulan Disember 2012 dan hadiah akan dikurier sebelum penghujung bulan Disember 2012 oleh pembekal ke alamat yang ditetapkan berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pemenang.
- e. Semua hadiah adalah tertakluk kepada stok yang sedia ada dengan pembekal. OCBC Bank berhak untuk menggantikan sebarang hadiah dengan hadiah lain sama nilai dan / atau spesifikasi. Hadiah tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan wang tunai.
10. OCBC Bank tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan yang berpunca secara langsung atau sebaliknya daripada penggunaan atau pengendalian baucar hadiah ditebus / hadiah yang diterima. Di samping itu, OCBC Bank tidak bertanggungjawab ke atas kesesuaian baucar atau hadiah untuk sebarang tujuan; sebarang pertanyaan atau perkhidmatan selepas penyampaian baucar hadiah atau hadiah yang perlu ditujukan oleh pelanggan kepada pembekal-pembekal yang berkaitan.

11. OCBC Bank akan menggunakan perkhidmatan pihak ketiga untuk menguruskan program ini, seperti bekalan, penghantaran dan proses lain yang berkaitan dengan baucar hadiah dan hadiah. Pihak ketiga termasuk (tetapi tidak terhad kepada) pembekal, kurier, dan kontraktor bebas yang lain. Nama pelanggan, butiran orang untuk dihubungi, alamat, nombor telefon, jawatan / pangkat akan menjadi antara butiran lain yang bakal didedahkan kepada pihak ketiga untuk menyempurnakan perkhidmatan yang berkaitan dengan Program ini. Pelanggan boleh menolak untuk mendedahkan maklumat ini dengan menyampaikan mesej yang jelas apabila membuat penebusan (untuk penebusan baucer hadiah) atau ketika dihubungi melalui telefon untuk menjawab 2 soalan (untuk cabutan bonus). Malangnya, pelanggan yang menolak untuk mendedahkan apa-apa butiran yang diperlukan akan hilang kelayakannya daripada Program ini.
  
12. OCBC Bank berhak untuk menyiarkan nama-nama pelanggan yang mengambil bahagian untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
  
13. Keputusan OCBC Bank adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan.
  
14. OCBC Bank berhak untuk mengubah, menarik balik, membatalkan atau menamatkan Program ini pada bila-bila masa dalam Tempoh Program tanpa memberikan apa-apa sebab sekalipun. Variasi, penggantungan atau penamatan Program ini boleh dibuat dengan meletakkan satu notis am dalam 1 isu dalam satu suratkhbar harian, atau memaparkan 1 notis umum dalam mana-mana premis cawangan OCBC Bank atau laman web OCBC Bank atau dengan memasukkan notis itu ke dalam penyata bank OCBC Bank yang dihantar kepada pelanggan secara berkala. Notis itu akan berkuatkuasa dari tarikh yang dinyatakan dan, jika tiada tarikh dinyatakan, akan berkuatkuasa dari tarikh notis itu.
  
15. Penyerahan Surat Penebusan menandakan bahawa pelanggan bersetuju dan akur dengan segala terma dan syarat dan keputusan OCBC Bank (Malaysia) Berhad. Bukti pos bukan bukti penerimaan. Penebusan melalui faks tidak boleh diterima.